

18 MAR 1997

Mozambique-lawat

LAWATAN PRESIDEN MOZAMBIQUE BUKA LAMBARAN BARU

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Lawatan empat hari Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano ke Malaysia mulai esok akan membuka lambaran baru bagi hubungan dua hala dan juga peluang-peluang kepada pelabur Malaysia di selatan Afrika.

Chissano, 58, pejuang veteran membebaskan Mozambique dari jajahan Portugis, akan menjadi presiden negara selatan Afrika yang pertama melawat Malaysia.

Kenyataan Wisma Putra berkata beliau akan diringi oleh isterinya, Marcelina Rafael, dan delegasi 34 anggota yang termasuk seorang menteri, dua naib menteri dan 17 ahli-ahli perniagaan utama negaranya.

Chissano menggantikan Samora Machel, iaitu presiden pertama Mozambique yang meninggal dunia dalam satu kejadian pesawat terhempas pada tahun 1986. Mozambique mendapat kemerdekaan dari Portugal pada tahun 1975.

Malaysia turut memainkan peranan membawa keamanan di negara itu dengan menghantar anggota-anggota tenteranya berkhidmat di bawah Operasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Mozambique (UNUMOZ) pada tahun 1992.

Naib presiden Dewan Perdagangan dan Industri Kebangsaan (DPIKM) Senator Datuk V.K.K. Teagarajan memberitahu Bernama bahawa pelabur-pelabur Malaysian perlu mengambil peluang-peluang dari negara itu yang kaya dengan sumber dan menyertai bidang seperti perlombongan dan tenaga.

"Saya fikir ia ada potensi yang baik untuk para pelabur kita, kita perlu perluaskan hubungan ekonomi kita dengan lebih aktif," katanya.

Chissano akan diraikan ke satu majlis makan tengah hari oleh DPIKM pada hari Khamis ini selepas menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan seorang pejuang Selatan-Selatan yang aktif.

Walaupun kedua-dua negara hanya baru bermula menerokai hubungan yang lebih aktif lagi, Malaysia dan Mozambique sama-sama menganggotai Pergerakan Berkecuali, Komanwel, dan yang terbaru sekali Persatuan Perkelilingan Lautan Hindi bagi Kerjasama Serantau (IOR-ARC).

Perdagangan antara Kuala Lumpur dan Maputo (ibunegara Mozambique) adalah kecil, berjumlah hanya RM1.5 juta tahun lepas dalam minyak sayuran, kimia dan bahan-bahan mentah.

Mozambique dapat menjadi satu lagi medan kepada pelabur-pelabur Malaysia yang terlibat aktif di negara-negara Afrika yang lain seperti Angola, Afrika Selatan, Mali, Namibia, Ghana dan Guinea sama ada melalui usahasama atau pelaburan asing langsung.

Mozambique mempunyai pelabuhan-pelabuhan di Maputo, Nacala dan Beira yang menghubungi negara-negara jiran seperti Swaziland, Zimbabwe, Malawi dan Zambia. Nacala terkenal sebagai pelabuhan air dalam di pantai timur Afrika.

Mozambique ialah juga anggota Komuniti Pembangunan Selatan Afrika, Pertubuhan Negara-negara Afrika, Pasaran Bersama bagi Afrika Timur dan Selatan dan Kawasan Keistimewaan Perdagangan bagi Afrika Timur dan Selatan.

Kerajaan Mozambique baru-baru ini mewujudkan empat zon industri bebas cukai yang mempunyai simpanan gas yang banyak, potensi arang dan minyak serta galian termasuk pegmatit dan tantalit yang digunakan oleh industri elektronik dan besi.

Juga terdapat ialah tembaga, marmar, asbestos, batu kapur, emas, grafit dan bijih besi.

Negara itu mempunyai dua penerbangan kepunyaan kerajaan, LAM (Linhas Aereas de Mocambique) yang membuat perkhidmatan antarabangsa dan TTA (Empresa Nacional de Transport e Trabalho Aereo) yang mengadakan perkhidmatan berjadual

dan sewa.

Kadar pertumbuhan Mozambique telah meningkat dari 2.7 peratus pada tahun 1989 ke 5 peratus pada tahun 1995 dengan pendapatan per kapita 17 juta penduduknya sebanyak AS\$250 (RM625). Bahasa Portugis ialah bahasa rasminya.

Rakan dagang utamanya ialah Portugal, Sepanyol, Amerika Syarikat, Jepun dan Afrika Selatan. -- BERNAMA

RV WAT